
SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

KUALA LUMPUR, 5 Februari 2018 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menjadi antara salah satu agensi kerajaan yang menyahut seruan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Lafaz IBR yang berlangsung di Menara SSM, Kuala Lumpur telah diketuai oleh YBhg. Dato' Abu Samah Shabudin, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Abdul Samat Bin Kasah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

IBR ini merupakan inisiatif yang diperkenalkan SPRM dalam memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan mereka akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang sesuatu jawatan.

IBR yang ditandatangani, antara lain, meletakkan tanggungjawab kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya Persaingan agar:

- i) Mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa; dan
- ii) Memberikan kerjasama sepenuhnya dan melaporkan kepada SPRM dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah laku kuasa

YBhg. Dato' Abu Samah menjelaskan bahawa IBR Suruhanjaya Persaingan akan mendorong pegawai-pegawai Suruhanjaya Persaingan untuk menjalankan tugas-tugas dengan penuh integriti dan telus.

Selanjutnya, beliau menambah, terdapat ruang di mana Suruhanjaya Persaingan boleh memberi kerjasama kepada SPRM dalam menangani isu-isu ketirisan perolehan negara. Ini adalah kerana Suruhanjaya Persaingan mempunyai kuasa dalam menyiasat kes tipuan bida dan ada kes-kes rasuah dan salah laku terkini menampilkan isu-isu tipuan bida. Beliau mengharapkan jalinan kerjasama strategik di antara Suruhanjaya Persaingan dan SPRM ini dapat diperkukuhkan lagi pada masa hadapan demi menjamin kesejahteraan rakyat, ekonomi dan negara.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)

Ditubuhkan pada Jun 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.